

DENZO TABLET

Serratiopeptidase (5 mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Denzo Tablet
2. Bagaimana Denzo Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Denzo Tablet
4. Cara menggunakan Denzo Tablet
5. Semasa menggunakan Denzo Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Denzo Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Denzo Tablet

Digunakan sebagai rawatan tambahan untuk keradangan seperti pengumpulan air berlebihan di dalam tisu kulit dan bengkak.

Bagaimana Denzo Tablet berfungsi

Denzo Tablet memecahkan rembesan cecair, lendir dan darah beku dan meningkatkan tindakan antibiotik yang meningkatkan pengangkutan antibiotik ke luka dan dengan itu meningkatkan tindakannya.

Sebelum menggunakan Denzo Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Denzo Tablet jika anda hypersensitif kepada isi kandungan penyediaan ubat atau Serratiopeptidase.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil Denzo Tablet.

- Sebelum menggunakan Denzo Tablet

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai masalah berikut:

- Pembekuan darah yang tidak normal
- Penyakit hati dan buah pinggang yang teruk
- Mengandung dan menyusu

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda di bawah rawatan anti-koagulan untuk mengelakkan pembekuan darah

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Denzo Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 2 tablet

Kanak- kanak: 1 tablet

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Untuk diambil 3 kali sehari

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Denzo Tablet untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Denzo Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Denzo Tablet.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor dan ahli farmasi anda.

Jangan beri Denzo Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai

simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian
Ia harus digunakan dengan berhati-hati. Ia boleh menyebabkan gangguan gastro-usus seperti hilang selera makan, ketidakselesaan perut dan loya.

Kesan-kesan sampingan

Dengan arahan yang disyorkan, kesan-kesan sampingan adalah jarang untuk berlaku.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Denzo Tablet

- Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak Lindungi daripada cahaya Simpan di tempat kering di bawah 30°C Pastikan bekas ditutup rapat

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna oren muda berbentuk bulat/dwi cembung dan bersalut enterik.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Serratiopeptidase

- Bahan-bahan tidak aktif
White Base, Magnesium stearate, Opadry Orange - OY P33125 & Chloroform Spirit

DENZO TABLET

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Srratiopeptidase (5 mg)

- MAL number

MAL19910626X

Pengilang & Pemegang Pendaftaran

Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.

2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,

Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600

Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

18/09/2018

Nombor siri:

NPRA(R4/1)130918/00260